

**Pendekatan kaedah interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan  
islam abad ke-21 di sekolah menengah kebangsaan Kota Kinabalu**

**ABSTRAK**

Kaedah interaktif adalah satu kaedah interaksi secara digital yang merupakan medium alternatif dalam sistem Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) sejajar dengan perkembangan teknologi abad ke-21. Pelaksanaan aplikasi ini dalam (PdP) membuktikan bahawa konsep pendidikan kini berada selangkah maju ke hadapan sejajar dengan visi dan misi Kementerian Pendidikan Malaysia. Kaedah pembelajaran interaktif ini perlu diterapkan dalam setiap mata pelajaran termasuklah Pendidikan Islam di sekolah menengah. Kajian ini dijalankan bertujuan melihat pendekatan kaedah interaktif dalam (PdP) untuk mata pelajaran Pendidikan Islam abad ke-21 dalam kalangan pelajar di sekolah menengah di daerah Kota Kinabalu, Sabah. Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti cabaran dalam (PdP) Pendidikan Islam abad ke-21 serta justifikasi signifikan pelaksanaannya terhadap pelajar di sekolah menengah daerah Kota Kinabalu. Kaedah kualitatif menerusi temu bual dan soal selidik dijadikan sebagai metodologi utama dalam kajian ini. Persampelan kajian terdiri para guru Pendidikan Islam, ibu bapa dan pelajar- pelajar Islam yang termasuk dalam lapan buah sekolah menengah di sekitar Daerah Kota Kinabalu. Hasil kajian menunjukkan bahawa mata pelajaran Pendidikan Islam amat memerlukan pendekatan kaedah interaktif kerana mempunyai topik-topik pengajaran yang memerlukan huraian rinci dalam pemahaman pelajar. Kajian turut mengesahkan bahawa kaedah interaktif mampu memberi kefahaman yang gitu kepada pelajar secara langsung kerana pelajar dapat mengaplikasikan ilmu yang dipelajari secara praktikal dan amali. Kajian ini mengharapkan agar platform kaedah interaktif dalam proses (PdP) khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam perlu selaras dengan perkembangan teknologi semasa bagi memastikan kelangsungan pendidikan sentiasa berada di mercu kejayaan sejajar dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia.